

SOALAN NO: 64

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL

SOALAN:

**Dato' Abdul Manan bin Ismail [ Paya Besar ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah pelatih dan pelajar yang mengikuti Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1, 2, dan 3, Diploma Kemahiran Malaysia (Tahap 4) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (Tahap 5).

PR-1342-T73711

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Sehingga Mac 2016, Kementerian Sumber Manusia menerusi Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) telah mengeluarkan sejumlah 1.49 juta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1, 2 dan 3, Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) kepada pelatih yang berjaya menamatkan latihan berasaskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS). Jumlah ini terdiri daripada 623,070 SKM Tahap 1, 589,449 SKM Tahap 2, 244,703 SKM Tahap 3, 36,321 DKM Tahap dan 2,936 DLKM.